

Tidak Tahan Menerima Cerca dan Tuduhan*



AYA telah memegang jawatan Yang Dipertua UMNO itu dari semenjak bulan Mei tahun 1946 dengan tidak digantikan dalam masa empat tahun yang lepas.

Pada hari ini, tanggungan seseorang yang menjadi Yang Dipertua UMNO itu telah bertambah lebih berat dan lebih banyak daripada masanya dahulu iaitu mula-mula saya memegang jawatan itu. Dalam masa empat tahun yang lepas, kiranya UMNO ini dipandang tidak membuat jasa yang lain kepada Melayu tetapi pada pandangan saya adalah suatu jasa yang besar telah dilakukan oleh UMNO memberi kesedaran umat Melayu bagaimana mustahaknya mereka ambil campur di dalam segala perkara pemerintahan negerinya.

Itu adalah satu jasa UMNO yang berani saya bentangkan meskipun lain-lain jasa tak dapat dibentangkan.

Pada hari ini kita sendiri telah tahu ada beberapa banyak orang Melayu sendiri yang ada berkelayakan dan kebolehan memandu serta memimpin bukan sahaja UMNO bahkan juga seluruh umat Melayu dan menjaga masalah negeri dan orang Melayu.

Syukurlah saya melihat hari ini beribu-ribu orang yang boleh dan telah menunjukkan kelayakan, kebolehan mengerti selok-belok siasah dan lain-lain hal Tanah Melayu yang pada fikiran saya sudah sampai masanya bagi saya menghindarkan diri supaya memberi peluang kepada orang Melayu itu maju ke muka, menunjukkan kaedahnya bagaimana mengajar dan memelihara hak orang Melayu daripada apa yang boleh saya buat.

Dengan memandang supaya jangan jadi kerosakan kepada faedah

*Ucapan di Majlis Mesyuarat Agung Khas UMNO di Hotel Majestic, Kuala Lumpur pada 10 dan 11 Jun 1950. Ucapan disampaikan berhubung dengan perletakan jawatan Dato' Onn sewaktu dalam persidangan.

orang Melayu, supaya jangan jadi rosak pada UMNO sendiri oleh sebab adanya seorang yang memegang jawatan Yang Dipertua ini yang disangka disyak, difahamkan akan membawa umat Melayu kepada jalan yang tidak boleh diterima dan disukai oleh umat Melayu. Oleh itu sudah sepatutnya saya berhenti dari Yang Dipertua. Tetapi saya sedia bekerja di dalam UMNO untuk faedah UMNO di dalam segala hal yang boleh saya berkhidmat dan tercapai oleh kebolehan saya.

Permintaan saya hendak berhenti itu bukanlah difikirkan dengan gopoh-gapah, bukan difikirkan hari ini tetapi telah difikirkan berbulan-bulan lamanya.

Saya telah meletakkan jawatan Menteri Besar Johor dengan maksud supaya dapat saya menumpukan segala kerja-kerja dan masa saya pada UMNO tetapi dari semenjak saya bercakap di Butterworth telah timbul bermacam-macam perkara yang mustahak dan besar-besar yang telah terpaksa bagi saya merundingkan dan kemudian membawa kepada pengetahuan majlis-majlis wakil-wakil UMNO. Akan tetapi sebelum tepat masanya hendak dikemukakan sesuatu bagi ditimbangkan maka telah keluar dengan bermacam-macam cara sindiran-sindiranan dan tuduhan-tuduhan yang tepat ditunjukkan kepada saya sebagai berkhianat kepada bangsa, berkhianat kepada negeri dan derhaka kepada bangsa.

Tuduhan ini amat berat yang saya sendiri tidak dapat menerimanya. Saya mempunyai darah Melayu, dari dikekalkan tuduhan-tuduhan itu terlebih baik saya tunjukkan kepada bangsa dan tanah air saya dengan mengundurkan diri dari UMNO.

Saya telah memikirkan dengan halusnya permintaan saya itu dan saya fikirkan sudah pun ada orang yang boleh dan berkelayakan untuk menjalankan kerja-kerja di Persekutuan Tanah Melayu dan saya berharap supaya orang yang demikian itu bukan sahaja pandai berkata-kata tetapi bekerja untuk tanah airnya.

Dengan bermacam-macam faedah dan cara saya telah mencuba menjalankan kerja dengan sentiasa memandang akan matlamat orang Melayu dan negerinya, saya berani berkata saya tidak menyekat diri saya dari memikul segala pekerjaan yang dipikulkan kepada saya.

Saya telah berikhtiar dan dengan ikhtiar raja saya, saya telah terbang ke England dan berjaya membuat tuntutan untuk orang Melayu.

Saya telah menghantar askar dan polis dari bangsa Melayu untuk

belajar di England dan supaya dapat mendapat jawatan-jawatan yang baik dan supaya diberi layanan dengan lebih adilnya kepada pihak Melayu daripada masa yang telah sudah-sudah. Ada banyak lagi perkara-perkara yang masih di dalam perundingan.

Bermacam-macam gaya, kaedah-kaedah saya telah ikhtiarkan meminta kepada sekalian orang Melayu supaya bersama-sama bekerja dan di sini saya suka menyatakan sebahagian daripada orang yang mencerca dan menuduh saya sendiri telah meminta dan memujuknya supaya sama-sama mengambil bahagian, tetapi katanya tidak ada masa.

Sebahagian yang mencerca dan menuduh saya tetapi dirinya sendiri tidak dapat menggerakkan tangan kecilnya.

Barang siapa yang memikul jawatan Yang Dipertua UMNO saya memohon dan menyembah kepada orang itu supaya menunjukkan kasihannya kepada tanah airnya, bukan cuma dengan bercakap-cakap.

UMNO ini semakin hari semakin bertambah ramai ahli-ahlinya. Di Johor dalam masa empat bulan yang lalu telah berganda-ganda banyaknya, di Kedah, di Selangor, di Perak, di Pulau Pinang dan lain-lain tempat juga telah bertambah ahlinya.

Maka dengan bertambahnya bilangan ahli UMNO itu akan bertambah pula penanggungan siapa juga yang akan menjadi Yang Dipertua.

Saya harus berehat tetapi kerana difikirkan berkehendak supaya UMNO ini berdiri lebih teguh dan kuat menjalankan kerjanya, menghasilkan kerjanya yang masa ini saya nampak ada terbengkalai.

Jawatan Yang Dipertua UMNO itu bukan saya berkehendak tetapi dikehendaki oleh wakil-wakil. Saya tidak berhajat itu dan ini. Saya sanggup memikul tanggungan itu kerana saya sedar akan tanggungan diri saya sendiri selagi orang Melayu dan ahli-ahli UMNO itu menaruh kepercayaan kepada saya.

Sekiranya saya telah diketahui ada di antara ahli-ahli UMNO dan orang Melayu itu tidak ada kepercayaan kepada saya maka terpaksa dan telah patutlah saya berhenti supaya dapat jawatan itu dipegang oleh orang yang lebih layak dan cekap untuk menjalankan kerja yang dikehendaki oleh orang Melayu.

Kepada pegawai-pegawai UMNO yang lain, saya meminta supaya berfikir semula bagi hendak meletakkan jawatan masing-masing itu. Janganlah hendaknya kerana seorang merosakkan yang ramai.

Saya meminta kepada pegawai-pegawai dan ahli-ahli Jawatan-

kuasa UMNO sabar pada menjalankan kerja. Kurang kepercayaan itu bukan ditujukan kepada pegawai-pegawai tetapi khas kepada diri saya.

Jika dapat orang yang menurut langkah saya ini, mereka berfikir semula menarik balik hingga pada bulan Ogos supaya berjalan dan supaya dapat majlis ini menggantikannya. Akan lebih mudah mencari ganti seorang daripada mencari ganti tujuh atau lebih orang lagi.

Saya menerangkan itu, saya telah berfikir, patut saya meletakkan jawatan itu. Tetapi sebelum datang lagi tuduhan-tuduhan atas saya, saya suka menyatakan janganlah sesiapa berfikir saya meletakkan jawatan ini, saya akan dapat lebih makmur, mendapat jawatan lebih besar daripada jawatan Yang Dipertua UMNO ini.

Pengerusi rancangan iktisad yang dicadangkan oleh kerajaan kepada saya, saya telah ditawarkan jawatan itu oleh *High Commissioner* sendiri dan saya telah diminta sendiri oleh Tuan James Griffith, *Secretary of State* bagi Koloni untuk memegang jawatan itu dengan memberi kuasa kepada saya dengan sepenuhnya.

Jawatan itu saya tak dapat menerimanya kerana ini akan mendatangkan sangka-sangka dan tuduhan-tuduhan lain lagi.